

# Usah gelojoh bangunkan pelancongan tanah tinggi

**Dr Syakir Amir Ab Rahman**  
[bhnews@bh.ccom.my](http://bhnews@bh.ccom.my)



Pensyarah Kanan,  
Jabatan Perancangan  
Bandar dan Wilayah,  
Kulliyah Senibina  
dan Rekabentuk  
Alam Sekitar,  
Universiti Islam  
Antarabangsa  
Malaysia (IIUM)

gara Kinabalu misalnya membuka banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan seperti malim gunung, perusahaan inap desa, pemandu pelancong dan banyak lagi.

Pelancongan tanah tinggi juga memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli di kawasan sekitarnya. Misalnya, Orang Asli di Cameron Highlands yang terbabit dalam perlادangan teh dan menjual hasil kraf tangan serta hasil hutan di sepanjang Jalan Tapah-Cameron.

**Pelancongan** tanah tinggi adalah antara tarikan utama industri pelancongan negara. Cameron Highlands, Bukit Fraser, Bukit Larut, Bukit Bendera, Bukit Tinggi, Gunung Jerai, Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Mulu adalah antara destinasi tanah tinggi popular dalam kalangan pelancong domestik serta antarabangsa.

Malaysia berpotensi besar untuk memperkembangkan pelancongan tanah tinggi kerana mempunyai kepelbagaiannya ekosistem hutan hujan tropika unik dan kaya nilai saintifik.

Pembangunan tanah tinggi terutama bagi tujuan pelancongan mewujudkan peluang dan sumber ekonomi kepada masyarakat setempat mencari pendapatan. Taman Ne-

Kebanyakan destinasi pelancongan tanah tinggi di Malaysia berada di ketinggian lebih 300 meter serta dikategorikan sebagai kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) Tahap 1, 2 dan 3.

Justeru, Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi serta Garis Panduan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) disediakan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) perlu dijadikan rujukan untuk sebarang pembangunan.

## Lindungi biodiversiti, alam sekitar

Hal ini bertujuan untuk memastikan tanah tinggi dilindungi daripada sebarang impak buruk pembangunan yang boleh mengganggu biodiversiti dan alam sekitar kawasan tinggi berkenaan.

Pembangunan tanah tinggi negara bermula sejak zaman penjajahan British. Kawasan ini dibangunkan penjajah sebagai kawasan rehat dan pusat rawatan bersesuaian dengan cuaca dan suhu di negara asal mereka.

Kini, hampir 30 gunung dan bukit di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak amat berpotensi dijadikan sebagai destinasi pelancongan khususnya kepada mereka gemar aktiviti lasak seperti pendakian gunung dan melihat keunikan habitat flora dan fauna.

Bukit Taisho di Bahau Negeri Sembilan adalah antara lokasi berupaya menarik pengunjung ber-

keluarga atas faktor lokasi strategik, kecerunan rendah dan flora fauna boleh dijadikan sumber bagi pembelajaran kepada anak.

Namun begitu, sejak puluhan tahun lalu, kawasan tanah tinggi sering diteroka atau diceroboh menyebabkan penebangan hutan menjadi tidak terkawal. Aktiviti penerokaan bertujuan untuk pertanian, perumahan dan membina kawasan baharu menjadi tanah terdedah kepada pelbagai bahaya dan bencana.

Pendidikan dan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar perlu terus diberikan, bukan sahaja kepada kanak-kanak atau murid, bahkan perlu dianda kepada orang dewasa.

Selain itu, penggunaan teknologi digital mencekkan aspek pelancongan pintar perlu diperluaskan. Pemantauan dan penguatkuasaan digital dapat dilakukan bagi memastikan tiada pencerobohan, pembalakan dan pembangunan haram dibuat di tanah tinggi.

Kedatangan pelancong juga dapat dikawal dengan menggunakan teknologi digital seperti pendaftaran dan pengimbasan supaya pelancong dapat diberikan amaran sekitarnya tanah tinggi melampaui kapasiti daya tampung.

Bagi memastikan pelancongan tanah tinggi kekal lestari sebagai tarikan utama pelancongan negara, semua pihak berkuasa perlu memandang serius dalam inisiatif pemeliharaan, pemuliharaan dan pemantauan kawasan tanah tinggi.